

**D.R. 49/2006**

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.(1)** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2006.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa di setiap Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, berhubung dengan Negeri itu melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

**Pindaan tajuk panjang**

2. Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

**Pindaan mukadimah**

3. Akta ibu dipinda dalam mukadimah —

- (a) dengan menggantikan perkataan "dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" dengan perkataan ", Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 2**

4. Seksyen 2 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "Semenanjung Malaysia" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Putrajaya".

**Pindaan seksyen 4**

5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif "bangunan" takrif yang berikut:

' "bangunan khas" ertinya mana-mana bangunan yang diduduki sebelum Jun 1996;'

- (b) dalam takrif "bangunan kos rendah", dengan menggantikan perkataan "58" dengan perkataan "10B";
- (c) dalam takrif "blok sementara" dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan "atau sedang, didirikan" perkataan "atas bangunan atau tanah";
- (d) dalam takrif "daftarai strata", dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah";

(e) dengan memasukkan selepas takrif "ditetapkan" takrif yang berikut:

' "ejen pengurusan" ertinya mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah subsekyen 10B(6) atau oleh Pesuruhjaya Bangunan di bawah seksyen 50;';

(f) dalam takrif "ketetapan khas" —

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "telah diberikan" perkataan "oleh perbadanan pengurusan atau"; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan "satu perempat keanggotaan" perkataan "perbadanan pengurusan";

(g) dalam takrif "kumpulan wang pengurusan", dengan memotong perkataan ", 63 atau 66";

(h) dengan memasukkan selepas takrif "majlis" takrif yang berikut:

' "Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi perkara tanah;';

(i) dalam takrif "pelan strata", dengan memasukkan selepas perkataan "pelan strata yang diluluskan" perkataan "dan dalam hal petak tanah, termasuklah suatu pelan tandaan";

(j) dengan memasukkan selepas takrif "pelan strata yang diperakui" takrif yang berikut:

' "pelan tandaan" ertinya pelan yang menunjukkan tandaan petak tanah;';

(k) dengan memasukkan selepas takrif "pelan tingkat" takrif yang berikut:

' "pembeli" ertinya mana-mana orang atau badan yang membeli suatu petak atau yang mempunyai apa-apa urusan niaga dengan suatu pemaju berlesen berkenaan dengan pemerolehan petak itu;';

*Rang Undang-Undang*

- (I) dalam takrif "pemilik", dengan memasukkan selepas perkataan "didaftarkan sebagai pemilik sesuatu blok sementara" perkataan "melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya";
- (m) dalam takrif "Pengarah" —
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "Negeri" perkataan "atau Wilayah Persekutuan"; dan
  - (ii) dengan memotong perkataan "dan, dalam hal Wilayah Persekutuan, Pentadbir Tanah";
- (n) dengan memasukkan selepas takrif "Pentadbir Tanah" takrif yang berikut:
- "perakuan siap dan pematuhan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133];';
- (o) dalam takrif "perbadanan pengurusan" —
- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah"; dan
  - (ii) dengan memotong perkataan ", 64 atau 64A";
- (p) dengan memasukkan selepas takrif "perbadanan pengurusan" takrif yang berikut:
- ' "Pesuruhjaya" ertinya Pesuruhjaya Bangunan yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006 [Akta ];';
- (q) dalam takrif "petak", dengan memasukkan selepas perkataan "hakmilik strata yang berasingan" perkataan ", dan berhubung dengan suatu tanah yang dipecah bahagi, ertinya satu daripada unit-unit individu petak tanah";
- (r) dengan memasukkan selepas takrif "petak aksesori" takrif yang berikut:
- ' "petak tanah" ertinya suatu unit yang terkandung dalamnya suatu tanah yang dipecahbahagikan yang di atasnya terdapat suatu bangunan sudah siap yang tidak lebih daripada empat tingkat yang dipegang di bawah suatu hakmilik strata;';

- (s) dalam takrif "tempoh permulaan", dengan menggantikan perkataan "satu pertiga" dengan perkataan "satu perempat";
- (t) dengan menggantikan takrif "undang-undang kecil" dengan takrif yang berikut:

' "undang-undang kecil", berhubung dengan sesuatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi, ertinya undang-undang kecil yang berkuat kuasa berkenaan dengan bangunan atau tanah itu yang dibuat di bawah seksyen 44 dan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Ketiga;'; dan

- (u) dalam takrif "Wilayah Persekutuan", dengan memasukkan selepas perkataan "Kuala Lumpur" perkataan "dan Wilayah Persekutuan Putrajaya".

#### **Seksyen baru 4A**

6. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 4 seksyen yang berikut:

#### **"Permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah**

4A. (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh bagi permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), istilah "Pejabat Pendaftaran Tanah" ertinya—

- (a) dalam hal hakmilik strata yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Pendaftaran, pejabat Pendaftar Hakmilik bagi Negeri itu; dan
- (b) dalam hal hakmilik strata yang bergantung kepada hakmilik Pejabat Tanah, pejabat Pentadbir Tanah bagi Daerah itu.

(3) Apabila Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata mula berkuat kuasa di mana-mana Pejabat Pendaftaran Tanah —

- (a) peruntukan Jadual Kelima hendaklah terpakai; dan

(b) peruntukan Akta ini setakat yang ia berhubung dengan borang dokumen hakmilik, tatacara bagi penyediaan dan pendaftaran apa-apa dokumen hakmilik, apa-apa urus niaga mengenai petak dan apa-apa catatan atau pengendorsan apa-apa nota, memorial, atau apa-apa pembetulan atau pembatalannya pada apa-apa dokumen hakmilik hendaklah dibaca dengan ubah suaian, pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian atau penyesuaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.

(4) Menteri boleh, dengan kelulusan Majlis Tanah Negara, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda atau menggantikan mana-mana Borang dalam Jadual Kelima.

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (3)(b), semua peruntukan lain Akta ini hendaklah tetap berkuat kuasa dan terus terpakai bagi tiap-tiap dokumen hakmilik, surat cara atau dokumen lain yang disediakan di bawah Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata."

## **Pindaan tajuk Bahagian II**

7. Tajuk Bahagian II Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "BANGUNAN" perkataan "ATAU TANAH".

## **Pindaan seksyen 6**

8. Seksyen 6 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

**"Bangunan atau tanah yang boleh dipecah bahagi kepada petak-petak";**

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Mana-mana bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih di atas tanah beri hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap (sama

ada hakmilik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah bolehlah dipecahbagikan kepada petak-petak; dan mana-mana tanah atas lot yang sama bolehlah juga dipecahbagikan kepada petak-petak yang setiap satunya dipegang di bawah suatu hakmilik strata atau suatu petak aksesori.";

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(IA) Mana-mana tanah beri hakmilik yang mempunyai dua bangunan atau lebih yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik tetap (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) bolehlah dipecahbagikan kepada petak-petak tanah yang setiap satu dipegang di bawah suatu hakmilik strata atau sebagai suatu petak aksesori."; dan

- (d) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan-bangunan" perkataan "atau tanah".

### **Pindaan seksyen 7**

#### **9. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "sesuatu bangunan" perkataan "atau tanah";
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "apa-apa bangunan" perkataan "atau tanah";
- (c) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana bangunan" perkataan "atau tanah"; dan
- (d) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "bangunan itu belum lagi diperakui oleh pihak berkuasa tempatan sebagai layak diduduki atau digunakan" dengan perkataan "tiada perakuan siap dan pematuhan telah dikeluarkan kepada bangunan itu".

**Penggantian seksyen 8**

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

**"Hal keadaan yang dalamnya adalah wajib bagi pemilik memohon untuk memecah bahagi sesuatu bangunan atau tanah**

**8.** (1) Pemilik mana-mana tanah beri hakmilik yang di atasnya terdapat suatu bangunan yang telah siap yang boleh dipecahbahagikan di bawah seksyen 6 hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), memohon mengikut seksyen 10 untuk memecah bahagi bangunan itu jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu kepada mana-mana orang.

(2) Tempoh yang dalamnya kehendak subseksyen (1) hendaklah dipatuhi ialah seperti yang berikut:

- (a) dalam hal suatu bangunan yang siap pada suatu tarikh selepas permulaan kuat kuasa subseksyen ini —
  - (i) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat sebelum tarikh itu, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh itu;
  - (ii) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat selepas tarikh itu, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh penjualan atau perjanjian itu atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu;
- (b) dalam hal suatu bangunan yang siap pada suatu tarikh sebelum permulaan kuat kuasa subseksyen ini —
  - (i) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat selepas tarikh itu, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh itu;

- (ii) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu, atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, dibuat selepas tarikh itu, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh itu atau enam bulan dari tarikh penjualan atau perjanjian atau penjualan atau perjanjian kali pertama itu, mengikut mana-mana yang lebih lama.

(3) Dalam hal mana-mana bangunan yang didirikan pada tarikh selepas permulaan kuat kuasa subseksyen ini, pemilik mana-mana tanah beri hakmilik—

- (a) yang di atasnya terdapat bangunan yang telah siap, atau bangunan yang telah siap dan tanah, yang boleh dipecahbahagikan di bawah subseksyen 6(1); atau
- (b) yang boleh dipecahbahagikan di bawah subseksyen 6(1A),

hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (4) dan apabila dikeluarkan perakuan siap dan pematuhan, memohon mengikut seksyen 10 untuk memecah bahagi bangunan kepada petak-petak, memecah bahagi bangunan dan tanah kepada petak-petak atau pecah bahagian tanah kepada petak-petak, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika pada bila-bila masa dia telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan atau tanah itu kepada mana-mana orang atau badan.

(4) Tempoh yang dalamnya kehendak subseksyen (3) hendaklah dipatuhi ialah seperti yang berikut:

- (a) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu dibuat sebelum bangunan itu didirikan, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh pendirian itu;
- (b) jika penjualan, atau perjanjian untuk menjual, mana-mana petak bangunan itu dibuat selepas bangunan itu didirikan, tempohnya ialah enam bulan dari tarikh penjualan atau perjanjian itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (1) atau (3), suatu permohonan untuk kelulusan Pengarah untuk memecah bahagi bangunan atau tanah hendaklah disifatkan sebagai tidak dibuat mengikut seksyen 10 jika permohonan itu cacat disebabkan oleh mana-mana ketidakpatuhan yang material dengan mana-mana kehendak seksyen itu yang berkaitan dengan permohonan itu.

(6) Tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) atau (4) boleh, atas permohonan yang dibuat sebelum tamatnya tempoh itu, dilanjutkan sekali oleh Pengarah selama apa-apa tempoh lanjut yang tidak melebihi tiga bulan.

(7) Jika sesuatu permohonan tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) atau (4) dan dalam hal subseksyen (6) dalam tempoh pelanjutan yang diberikan berkenaan dengan sesuatu bangunan atau tanah, pemilik asal adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak kurang daripada satu ratus ringgit tetapi tidak lebih daripada satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

(8) Bagi maksud—

- (a) subseksyen (2), tarikh bila sesuatu bangunan itu siap hendaklah menjadi tarikh yang ia diperakui oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan sebagai layak diduduki atau digunakan, atau diperakui mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa; dan
- (b) subseksyen (4), tarikh itu hendaklah menjadi tarikh yang perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan oleh arkitek yang berkaitan yang memperaku bahawa pembinaan bangunan itu telah siap dengan sewajarnya."

### **Pindaan seksyen 9**

11. Seksyen 9 Akta itu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "mana-mana bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah kepada petak-petak";

- (ii) dalam perenggan (f), dengan memotong subperenggan (iii) dan (iv); dan
- (iii) dengan menggantikan perenggan (I) dengan perenggan yang berikut:

"(I) kecuali bagi bangunan khas, bahawa bangunan atau tanah yang hendak dipecahbahagikan kepada petak-petak telah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan sebagai layak diduduki atau digunakan atau diperakui mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa."; dan

- (b) dalam perenggan (2)fcj, dengan menggantikan perkataan "bangunan itu telah tidak diperakui oleh pihak berkuasa awam atau tempatan sebagai layak diduduki atau digunakan" dengan perkataan "perakuan siap dan pematuhan belum lagi dikeluarkan".

## **Pindaan seksyen 10**

### **12. Seksyen 10 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah";
- (b) dalam subseksyen (1) —
  - (i) dengan menggantikan perkataan "memecah bahagi mana-mana bangunan hendaklah dibuat secara bertulis dalam Borang 1" dengan perkataan "memecah bahagi bangunan atau bangunan dan tanah, di bawah subseksyen 6(1) hendaklah dibuat dalam Borang 1, dan apa-apa permohonan bagi kelulusan Pengarah untuk memecah bahagi tanah di bawah subseksyen 6(1 A) hendaklah dibuat dalam Borang 1A,"; dan
  - (ii) dalam perenggan (b) —
    - (A) dengan menggantikan perkataan "dan suatu pelan tingkat berkenaan dengan setiap tingkat bagi setiap bangunan" dengan perkataan "pelan tingkat dan pelan tandaan";
    - (B) dengan menggantikan perkataan "dan (3)" dengan perkataan ", (3) dan (3A)"; dan

*Rang Undang-Undang*

(C) dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

"(c) perakuan-perakuan daripadajuruukur tanah yang disebut dalam perenggan 9(1)(a), dan Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional yang disebut dalam subperenggan 9(1)(b)(i), dan jika berkenaan, perakuan daripada juruukur tanah yang disebut dalam perenggan 9(2)(a)"

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Bagi maksud subseksyen 6(1A), pelan strata yang dicadangkan hendaklah mengandungi suatu pelan lokasi dan suatu pelan tandaan yang menunjukkan petak-petak yang dicadangkan itu.";

(d) dalam subseksyen (2) —

(i) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan "yang hendak dipecahbahagikan itu" perkataan "dan dalam hal bagi suatu permohonan untuk memecah bahagi tanah kepada petak-petak tanah, menandakan sempadan-sempadan dan tanda-tanda sempadan bagi lot itu dan petak-petak yang menunjukkan kedudukan kesemua bangunan di atasnya"; dan

(ii) dalam perenggan (c), dengan memasukkan sebelum perkataan "termasuk" perkataan "kecuali bagi permohonan untuk pecah bahagian tanah kepada petak-petak tanah,";

(e) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

"(3A) Tiap-tiap pelan tandaan hendaklah —

(a) menyatakan nombor lot dan nombor hakmilik tanah yang terkandung dalamnya, dan petak yang dimaksudkan dalam pelan itu;

- (b) menandakan setiap petak yang dicadangkan dengan merujuk kepada sempadan lot yang menunjukkan bering dan jarak bagi setiap sempadan;
  - (c) menunjukkan berkenaan dengan setiap petak itu nombor yang dengannya petak itu diperihalkan dalam Borang 1 atau 1A, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (d) menyatakan keluasan setiap petak;
  - (e) membezakan mana-mana bahagian yang tidak hendak dimasukkan ke dalam mana-mana petak tetapi hendak dijadikan sebahagian daripada harta bersama; dan
  - (f) mengandungi apa-apa butir terperinci lain sebagaimana yang ditetapkan.";
- (f) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "dan (3)" dengan perkataan ", (3) dan (3A)";
- (g) dalam subseksyen (6A), dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:
- "(a) sebagai ganti kepada pelan-pelan bangunan yang disebut dalam perenggan (aa) subseksyen itu, dengan pelan-pelan bangunan, dalam tiga salinan, yang diperakui oleh seorang Arkitek Profesional atau oleh seorang juruukur tanah sebagai telah dilukis mengikut ciri-ciri sebenar bangunan itu dan sebagai menggambarkan dengan sebenarnya ciri-ciri itu; dan";
- (h) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan "lokasi dan pelan tingkat" dengan perkataan "pelan lokasi, pelan tingkat dan pelan tandaan, mengikut mana-mana yang berkenaan,"; dan
- (i) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan proviso dengan proviso yang berikut:
- "Dengan syarat bahawa tiada permohonan boleh dihantar sedemikian tanpa dokumen hakmilik keluaran bagi lot itu dan dengan demikian dalam hal yang termasuk dalam subseksyen (7), jika dokumen itu tidak dikemukakan dengan sempurna di Pejabat Tanah,

Pentadbir Tanah hendaklah, jika tidak boleh mendapatkan pengemukaannya, menyediakan atau menyebabkan disediakan, hakmilik sambungan (atau jika berkenaan, suatu pendua dokumen hakmilik keluaran sahaja) di bawah Bab 3 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara seolah-olah hal keadaan itu adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 66(1)(c) Kanun itu:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika tanah itu dipegang di bawah hakmilik sementara, hakmilik tetap itu telah didaftarkan oleh pihak berkuasa pendaftaran."

### **Pindaan seksyen 10A**

**13.** Seksyen 10A Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Suatu permohonan di bawah seksyen 10, kecuali jika ia berhubung dengan bangunan kos rendah, hendaklah termasuk suatu permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sementara bagi suatu blok sementara berkenaan dengan sesuatu bangunan, yang merupakan bangunan yang boleh dipecahbagikan mengikut subseksyen 6(1), yang dicadangkan untuk, atau sedang, didirikan di atas lot yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada tanah boleh dimasukkan dalam permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sementara bagi blok sementara."

### **Seksyen baru 10B**

**14.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10A seksyen yang berikut:

#### **"Permohonan bagi memecah bahagi dalam hal bangunan-bangunan kos rendah**

**10B.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan oleh seseorang pemilik mana-mana tanah beri hakmilik atau pada bila-bila masa atas kehendaknya sendiri, dengan mengambil kira lokasi, jenis pembinaan dan kos bangunan itu, mengklasifikasikannya sebagai bangunan kos rendah.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 81, mengklasifikasikan mana-mana jenis bangunan sebagai bangunan kos rendah.

(3) Apabila mengklasifikasikan mana-mana bangunan sebagai suatu bangunan kos rendah di bawah subseksyen (1) atau (2), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kepada pemilik tanah beri hakmilik **itu**.

(4) Apabila diterima perakuan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemilik tanah beri hakmilik itu hendaklah memohon untuk memecahbahagikan bangunan itu di bawah seksyen 10.

(5) Tiada bangunan yang didirikan dalam suatu blok sementara boleh diklasifikasikan di bawah subseksyen (1) atau (2) sebagai suatu bangunan kos rendah.

(6) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas permohonan oleh perbadanan pengurusan atau atas kehendaknya sendiri, melantik ejen pengurusan untuk menjalankan kuasa dan menunaikan kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi suatu perbadanan pengurusan, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh ejen pengurusan itu boleh dipertanggungjawabkan ke atas kumpulan wang pengurusan perbadanan pengurusan itu."

### **Pindaan seksyen 13**

#### **15. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan "pelan lokasi dan pelan tingkat" dengan perkataan "pelan lokasi, pelan tingkat dan pelan tandaan";
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan memasukkan sebelum perkataan "keratan tegak" perkataan "kecuali bagi petak tanah,"; dan
- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "mengikut mana-mana yang berkenaan" perkataan "; atau dalam hal petak tanah, sempadan hendaklah ditentukan melalui persempadannya di atas tanah".

**Pindaan seksyen 14A****16.** Subseksyen 14A(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "pemilik" dengan perkataan "pemilik asal"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "satu ribu" dan "lima puluh ribu" masing-masing dengan perkataan "lima ribu" dan "lima ratus ribu".

**Pindaan seksyen 15****17.** Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2)(b)(i), dengan menggantikan perkataan "memorial, endorsan dan catatan-catatan lain" dengan perkataan "syarat nyata dan sekatan kepentingan";
- (b) dalam subseksyen (4) —
  - (i) dengan menggantikan perkataan "atau sewaan" dengan perkataan ", sewaan atau mana-mana kaveat"; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan ", sewaan" perkataan ", kaveat".
- (c) dalam subseksyen (5), dengan memasukkan selepas perkataan "petak yang berkenaan" perkataan ", dan mengendors atau menyebabkan untuk diendors, suatu nota pembatalan kaveat tersebut dalam dokumen hakmilik daftar bagi lot berkenaan"; dan
- (d) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Jika Pendaftar tidak boleh memastikan sehingga dia berpuas hati kaveat yang menyentuh petak tertentu, kaveat itu hendaklah kekal dalam dokumen hakmilik daftar bagi lot itu:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh pada bila-bila masa selepas itu, jika boleh memastikan sehingga dia berpuas hati bahawa mana-mana kaveat itu berkaitan dengan petak yang tertentu, mengendorskan

kaveat itu dalam dokumen hakmilik daftar bagi petak yang berkenaan dan mengendorskan atau menyebabkan supaya diendorskan, suatu nota pembatalan kaveat itu dalam dokumen hakmilik daftar bagi lot itu."

**Pindaan seksyen 17**

18. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan "Atas pengesahan" perkataan ", jika berkenaan,"; dan

(b) dengan memotong subseksyen (3).

**Pindaan seksyen 20**

19. Seksyen 20 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pemilik asal bagi hakmilik strata sementara hendaklah, sebaik sahaja bangunan yang berkenaan dengan hakmilik itu siap, dan perakuan siap dan pematuhan telah dikeluarkan, tetapi dalam mana-mana hal dalam tempoh enam bulan dari tarikh perakuan itu dikeluarkan, membuat suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pengarah bagi pengeluaran hakmilik strata yang berasingan bagi petak dalam bangunan yang sudah siap itu."; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perenggan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(d) perakuan siap dan pematuhan;"

**Pindaan seksyen 22B**

20. Subseksyen 22B(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "satu ribu" dan "lima puluh ribu" masing-masing dengan perkataan "lima ribu" dan "lima ratus ribu".

**Pindaan seksyen 37**

- 21.** Seksyen 37 Akta ibu dipinda dengan memotong subseksyen (2).

**Pindaan seksyen 39**

- 22.** Seksyen 39 Akta ibu dipinda dalam subseksyen (1) dan (2) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan yang dipecah bahagi" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 40**

- 23.** Seksyen 40 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "Sekatan" perkataan "dan tanggungjawab";
- (b) dalam perenggan (1)(a), dengan memotong perkataan ", menambah atau memansuhkan"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Perbadanan pengurusan hendaklah menyediakan akaun yang sepatutnya di bawah namanya sendiri yang berhubungan dengan semua wang perbadanan berhubungan dengan pendapatan dan perbelanjaannya semasa dalam tempoh permulaan.

(4) Akaun perbadanan pengurusan itu hendaklah diaudit oleh juruaudit berdaftar yang dilantik oleh pemilik asal dan akaun yang telah diaudit hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya.

(5) Atas suatu permohonan yang dibuat oleh pemilik petak, Pesuruhjaya boleh membenarkan akaun yang telah diaudit untuk pemeriksaan pada bila-bila masa yang munasabah."

**Seksyen baru 40A**

24. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 40 seksyen yang berikut:

**"Pindah hakmilik pemunyaan hakmilik strata**

**40A.** (1) Mana-mana pemilik asal atau mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa hendaklah menyempurnakan pemindahan hakmilik strata kepada pemilik petak dalam masa dua belas bulan dari tarikh pengeluaran hakmilik strata oleh Pentadbir Tanah atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah apabila daftar strata dibuka.

(2) Mana-mana pembeli hendaklah menyempurnakan dokumen pemindahan hakmilik strata yang lengkap dalam masa dua belas bulan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pengarah dari tarikh notis pemindahan hakmilik strata yang dikeluarkan oleh pemilik asal atau dari tarikh pembelian petak, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(3) Mana-mana pemilik asal atau mana-mana orang atau badan yang dilantik oleh suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa atau mana-mana pembeli yang gagal mematuhi subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit bagi setiap petak."

**Pindaan seksyen 41**

25. Seksyen 41 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "satu ribu ringgit" dengan perkataan "dua puluh lima ribu ringgit dan denda tambahan yang tidak melebihi dua ribu ringgit bagi setiap hari yang kesalahan itu terus dilakukan";

(b) dalam subseksyen (3) —

(i) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pesuruhjaya"; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan "perbadanan pengurusan" yang terdapat sebelum perkataan "; pemilik atau pemegang gadaian sesuatu petak," dengan perkataan "pembeli";

(c) dalam subseksyen (5) —

- (i) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan "; dan" di hujung perenggan itu; dan

(ii) dalam perenggan (d) —

- (A) dengan memotong perkataan ", menambah atau memansuhkan";
- (B) dengan menggantikan perkataan "undang-undang kecil" dengan perkataan "undang-undang kecil tambahan"; dan
- (C) dengan menggantikan noktah dengan perkataan "; dan"; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(e) mengemukakan akaun perbadanan pengurusan yang telah diaudit."

### **Penggantian seksyen 41A**

**26.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 41A dengan seksyen yang berikut:

#### **"Penentuan caruman yang kena dibayar semasa tempoh permulaan**

**41A.** (1) Jika mesyuarat agung tahunan pertama sesuatu perbadanan pengurusan masih belum lagi diadakan, pemilik petak atau blok sementara, jika ada, dalam bangunan atau tanah yang dipecahbagikan, mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah, bermula dari pembukaan buku daftar strata, membayar kepada perbadanan pengurusan apa-apa jumlah wang yang ditentukan oleh pemilik asal sebagai caruman yang kena dibayar oleh pemilik itu kepada kumpulan wang pengurusan perbadanan pengurusan.

(2) Mana-mana pemilik yang tidak berpuas hati dengan jumlah wang yang ditentukan di bawah subseksyen (1), boleh memohon kepada Pesuruhjaya untuk suatu kajian semula dan Pesuruhjaya boleh —

- (a) menentukan jumlah wang itu; atau
- (b) mengarahkan pemilik asal untuk melantik pengurus harta berdaftar untuk mengesyorkan jumlah wang yang kena dibayar dan mengemukakan suatu salinan laporan kepada Pesuruhjaya untuk kelulusannya dan Pesuruhjaya boleh menentukan jumlah wang yang kena dibayar sebagaimana yang Pesuruhjaya fikirkan adil dan munasabah.

(3) Jumlah wang yang ditentukan oleh Pesuruhjaya menurut subseksyen (2)(a) atau (b) hendaklah menjadi amaun yang disifatkan sebagai amaun yang ditentukan oleh perbadanan pengurusan sebagai caruman yang kena dibayar oleh pemilik kepada perbadanan pengurusan itu."

### **Pindaan seksyen 43**

**27.** Subseksyen 43(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b), (c), (e) dan (g) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah";
- (b) dalam perenggan (i)~
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah"; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan "; dan" di hujung perenggan itu dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (j).

### **Pindaan seksyen 44**

**28.** Seksyen 44 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah";

- (b) dalam subseksyen (1), (2) dan (3), dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah"; dan
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan "Pengarah" dengan perkataan "Pesuruhjaya".

#### **Pindaan seksyen 45**

**29.** Seksyen 45 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Bagi maksud subseksyen (5), perkataan "pemilik" hendaklah termasuk—

- (a) orang yang pada masa itu menerima sewa petak, sama ada sebagai seorang ejen atau seorang pemegang amanah atau seorang penerima, dan yang akan menerima sewa jika petak itu disewakan kepada seorang penyewa; atau
- (b) seseorang pembeli yang hendaklah didaftarkan sewajarnya sebagai seorang pemilik."

#### **Pindaan seksyen 47**

**30.** Perenggan 47(1 )(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

#### **Pindaan seksyen 49**

**31.** Seksyen 49 Akta ibu dipinda dalam perenggan (l)(a) dan subseksyen (3) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

#### **Pindaan seksyen 50**

**32.** Seksyen 50 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pesuruhjaya"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 53A**

33. Subseksyen 53A(2A) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pesuruhjaya".

**Pindaan seksyen 55**

34. Subseksyen 55(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh".

**Pemotongan Bahagian IX**

35. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian IX.

**Pindaan seksyen 67A**

36. Seksyen 67A Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1), (2) dan (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Hakmilik Strata untuk mendengar dan menentukan apa-apa pertikaian di bawah Akta ini apabila permohonan dibuat oleh pemilik atau perbadanan pengurusan atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kepentingan berdaftar dalam sesuatu petak.

(2) Jika, menurut suatu permohonan di bawah subseksyen (1) untuk mendapatkan suatu perintah yang tidak termasuk di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkan adil dan suai manfaat.

(3) Lembaga hendaklah terdiri daripada Yang Dipertua dan beberapa orang Timbalan Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.";

- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "Pihak Berkuasa Negeri" dengan perkataan "Menteri"; dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan "Negeri".

**Pindaan seksyen 67B****37.** Seksyen 67B Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Pengaruh" dengan perkataan "Menteri"; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Pihak Berkuasa Negeri" dengan perkataan "Menteri".

**Pindaan seksyen 67K****38.** Seksyen 67K Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "pemilik petak" perkataan "atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas suatu petak"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67L****39.** Subseksyen 67L(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "21" dengan perkataan "dua puluh lapan".**Pindaan seksyen 67M****40.** Seksyen 67M Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67N**

**41.** Seksyen 67N Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan "memiliki sesuatu petak" perkataan "atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas suatu petak"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67o**

**42.** Seksyen 67o Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67p**

**43.** Seksyen 67p Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67Q**

**44.** Seksyen 67Q Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67R**

**45.** Subseksyen 67R(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

**Pindaan seksyen 67w**

**46.** Perenggan 67w(a) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "bangunan" perkataan "atau tanah".

**Kecualian dan peralihan**

47. (1) Semua permohonan atau perkara yang belum selesai di hadapan Lembaga Hakmiik Strata yang berkenaan di bawah Akta ibu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan oleh Lembaga mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(2) Semua prosiding atau perkara lain yang sedang didengar, atau telah didengar tetapi tiada perintah atau keputusan telah dibuat mengenainya, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, merupakan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua dan anggota-anggota yang dilantik di bawah seksyen 67A Akta ibu hendaklah, melainkan jika dia meletak jawatan atau selainnya mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, terus memegang jawatan itu pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini sehingga habis tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

**Pindaan Jadual Pertama**

48. Jadual Pertama Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Borang 1 dengan Borang yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

BORANG

*AKTA HAKMILIK STRATA 1985*

BORANG 1

[Seksyen 10]

PERMOHONAN UNTUK MEMECAH BAHAGI BANGUNAN  
ATAU BANGUNAN DAN TANAH

Kepada Pentadbir Tanah.....

Daerah.....

Saya, .....  
beralamat .....pemilik  
tanah yang berikut—

\*Bandar/Pekan/Mukim..... No. Lot .....

Perihal dan No. Hakmilik .....Luas.....  
dengan ini memohon kelulusan untuk memecah bahagi bangunan/ bangunan-  
bangunan yang didirikan di atas tanah itu, \*berserta dengan pengeluaran hakmilik  
strata sementara blok sementara, dan memecah bahagi tanah kepada petak tanah  
sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan lokasi yang dikepilkan.

2. Pecah bahagian yang dicadangkan itu adalah kepada ..... petak,  
.....petak tanah, \*..... petak aksesori dan.....  
blok/blok-blok sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual yang  
dilampirkan mengikut sempadan yang berhubung dengan setiap tingkat, adalah  
ditunjukkan dalam \*pelan/pelan-pelan tingkat..... yang  
dikepilkan.

3. Bangunan/bangunan-bangunan yang didirikan di atasnya, termasuk mana-  
mana blok sementara, digunakan bagi maksud yang berikut:

4. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 10 Akta Hakmilik Strata 1985,  
sekarang saya kemukakan —

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM .....
- (b) tiga salinan \*pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa  
perancangan/ pelan yang dikehendaki di bawah perenggan 10(6A)(a)  
bagi bangunan/bangunan-bangunan yang hendak dipecahbahagikan atau  
bangunan/ bangunan-bangunan yang hendak dipecahbahagikan yang  
berhubungan dengan petak/petak tanah, \*dan bagi bangunan/ bangunan-  
bangunan yang dimaksudkan oleh blok sementara;
- (c) pelan lokasi yang mematuhi subseksyen 10(2) \*dan perenggan 10A(2)(b)  
dan diperakui dengan sempurnanya oleh juruukur tanah;
- (d) ..... \*pelan/pelan-pelan tingkat yang mematuhi  
subseksyen 10(3)\* dan subseksyen 10A(2) dan diperakui dengan  
sempurnanya oleh juruukur tanah;
- (e) ..... pelan tandaan yang mematuhi subseksyen  
10(3A) dan diperakui dengan sempurnanya oleh juruukur tanah;
- (f) dua salinan tambahan bagi pelan lokasi dan bagi setiap pelan tingkat;
- (g) tiga salinan pelan tanah yang diperakui yang dikehendaki di bawah  
perenggan 10(1)(cb);
- (h) perakuan daripada juruukur tanah, Arkitek Profesional atau Jurutera  
Profesional, sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 10(1)(cj);
- (i) permit/permit-permit di bawah seksyen 75A Kanun Tanah Negara,  
sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 10(1)(ca);

(j) perakuan daripada Arkitek Profesional dan juruukur tanah, sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 10(6 A)( a);

(k) suatu surat keizinan daripada setiap orang berikut yang keizinan mereka secara bertulis adalah dikehendaki bagi sebab tertentu seperti yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:

(1) .....

(2) .....

(3) ..... ;dan

(l) dokumen keluaran hakmilik bagi lot itu.

\*5. Saya mengaku janji bahawa pembinaan setiap bangunan yang berkaitan dengan sesuatu blok sementara akan disiapkan tidak lewat daripada tarikh yang berikut:

*Blok Sementara*

*Tarikh*

PI

P2

dsb.,

Bertarikh pada                      hari bulan .....20.

*Tandatangan Pemilik Lot*

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.

(1) Dokumen keluaran hakmilik disertakan.

(2) Sewa bagi tahun semasa dibayar.

*Pentadbir Tanah:*

B. Kepada Pengarah Ukur.

Permohonan diluluskan.

*Pengarah Tanah dan Galian: .....*

(Hendaklah dilampirkan seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK DAN BLOK SEMENTARA  
(JIKA ADA)

	Bangunan/Blok Sementara (1)	Senarai tingkat dalam setiap bangunan (2)	Senarai petak dalam setiap bangunan (3)	Unit-unit syer bagi setiap petak /blok sementara (4)
Gunakan M1, M2, dsb., untuk menandakan bangunan yang disediakan	BANGUNAN/ BANGUNAN- BANGUNAN			
	M1.....	Tingkat no.....	Petak..... Petak..... Petak.....	
	M2.....	Tingkat no.....	Petak..... Petak..... Petak.....	
		Tingkat no.....	Petak..... Petak..... Petak.....	
Gunakan LI, L2, dsb., untuk menandakan petak tanah	PETAK TANAH			
	LI..... L2.....		Petak..... Petak..... Petak..... Jumlah	
Gunakan PI, P2 dsb., untuk menandakan blok sementara	BLOK/BLOK SEMENTARA			
	PI..... P2.....			

SENARAI PETAK AKSESORI

+ Petak Aksesori	++Lokasi Petak Aksesori	Petak yang Petak Aksesori itu bersangkutan

\* potong mana-mana yang tidak berkenaan

+ Bagi tujuan mengenal pasti petak aksesori, tambahan huruf A kepada nombor petak aksesori

++ Jika petak aksesori ditempatkan dalam sesuatu bangunan, tunjukkan lokasi itu dengan membuat rujukan kepada nombor bangunan dan nombor tingkatnya

# NOTA HURAIAN:

Keizinan secara bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—

- (i) suatu pajakan keseluruhan atau mana-mana bahagian tanah selain daripada bahagian yang tepat sekali dengan, atau termasuk keseluruhannya dalam, satu daripada petak yang dicadangkan;
- (ii) suatu gadaian tanah itu, atau pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i); dan
- (iii) suatu lien ke atas tanah, atau ke atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i)";

(b) dengan memasukkan selepas Borang 1 Borang yang berikut:

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 1A

[Seksyen 10] PERMOHONAN UNTUK

MEMECAH BAHAGI TANAH

Kepada Pentadbir Tanah .....  
 Daerah .....  
 Saya, .....  
 beralamat .....  
 pemilik tanah yang berikut-

\*Bandar/Pekan/Mukim ..... No. Lot.....  
 Perihal dan No. Hakmilik ..... Luas.....

dengan ini memohon keiuluan untuk memecah bahagi tanah kepada petak tanah, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan tandaan yang dikepilkan.

2. Pecah bahagian tanah yang dicadangkan itu ialah kepada ..... petak mengikut sempadan yang berhubung dengan setiap petak, ditunjuk dalam pelan tandaan yang dikepilkan.

3. Bangunan yang didirikan di atasnya, digunakan bagi maksud yang berikut:

4. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 10 Akta Hakmilik Strata 1985, sekarang saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM .....;
- (b) tiga salinan pelan bangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa perancangan;
- (c) tiga salinan pelan lokasi yang mematuhi subseksyen 10(2) dan diperakui dengan sempurnanya oleh juruukur tanah;

- (d) tiga salinan pelan tandaan yang mematuhi subseksyen 10(3A) dan diperakui dengan sempurnanya oleh juruukur tanah;
- (e) tiga salinan pelan tanah yang diperakui yang dikehendaki di bawah perenggan 10(l)(cb);
- (f) perakuan daripada juruukur tanah, Arkitek Profesional atau Jurutera Profesional, sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 10(l)(c);
- (g) suatu surat keizinan daripada setiap orang yang berikut yang keizinan mereka secara bertulis adalah dikehendaki bagi sebab tertentu seperti yang dinyatakan dalam setiap surat tersebut:

- (1) .....
- (2) .....
- (3).....;dan

(h) dokumen keluaran hakmilik bagi lot itu.

Bertarikh pada ..... hari bulan..... 20 .....

*Tandatangan Pemilik Lot*

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

- A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.
  - (1) Dokumen keluaran hakmilik disertakan.
  - (2) Sewa bagi tahun semasa dibayar.

*Pentadbir Tanah:* .....

- B. Kepada Pengarah Ukur.  
Permohonan diluluskan.

*Pengarah Tanah dan Galian:* .....

(Hendaklah dilampirkan seberapa banyak helaian yang perlu)

JADUAL PETAK

PETAK TANAH	UNIT SYER BAGI SETIAP PETAK TANAH

## SENARAI PETAK AKSESORI

Petak Aksesori	Lokasi Petak	Petak yang Petak Aksesori itu Bersangkutan

\*potong mana-mana yang tidak berkenaan";

(c) dengan menggantikan Borang 2 dengan Borang yang berikut:

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2

[Seksyen 151

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri :  
 Daerah :  
 \*Bandar/Pekan/Mukim :  
 Jenis Hakmilik :  
 No. Hakmilik :  
 No. Lot :  
 Luas :  
 No. Rujukan Fail :  
 Nama Perbadanan Pengurusan :  
 Alamat Perbadanan Pengurusan :  
 Alamat bagi Penyampaian Dokumen :  
 No. Buku Pendaftaran Strata :

RINGKASAN KANDUNGAN

Bangunan/Blok Sementara/ Petak Tanah	Maksud	No. Petak	Unit Syer/Unit Syer Sementara
Bangunan/Bangunan- Bangunan  M1 ..... M2 .....	..... .....	..... .....	..... .....
Blok/ Blok-Blok Sementara  P1 ..... P2 .....	..... .....	..... .....	..... .....
Petak Tanah	.....	.....	.....
Jumlah Syer Unit/Syer Unit Sementara .....			

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui

Hakmilik  
Tarikh  
No. Versi  
Muka surat

INDEKS SECARA TERPERINCI

No. Muka surat bagi Hakmilik Petak /Blok Sementara/ Petak Tanah	Bangunan/ Blok Sementara/ Petak Tanah	Senarai tingkat dalam setiap bangunan	Senarai petak dalam setiap bangunan/ luas tanah setiap petak	Unit syer bagi setiap petak/blok sementara/ petak tanah	Komen
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	Bangunan/ Bangunan- Bangunan: [Gunakan M1.M2, dsb., untuk menandakan bangunan- bangunan yang sudah siap]				

	M1 ...	(Pelan Folio No.....)	Petak .....	
			Petak .....	
			Petak .....	
	M2 ...	Tingkat No .....	Petak .....	
			Petak .....	
		No.....)	Petak .....	
	dsb., dsb. Blok/Blok Sementara: [Gunakan PI, P2, dsb., untuk menandakan blok-blok sementara]		dsb.	
	PI ...	Tingkat No.....	Petak .....	
			Petak .....	
		No	Petak .....	
	P2 ...	Tingkat No.....	Petak .....	
			Petak .....	
		No	Petak .....	
	Petak Tanah [Gunakan LI, L2, dsb., untuk menandakan petak tanah] LI L2	-		

Hakmilik : .....

Tarikh : .....

No. Versi : .....

Muka surat: .....

SENARAI PETAK AKSESORI

Petak Aksesori	Lokasi Petak Aksesori	Petak yang Petak Aksesori itu Bersangkutan

Hakmilik  
 Tarikh No.  
 Versi Muka  
 surat

\*potong mana-mana yang tidak berkenaan\*;

(d) dengan menggantikan Borang 4 dan 4A dengan Borang yang berikut:

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK

Cukai tanah:

Pajakan selama....., berakhir pada

Negeri

Daerah

\*Bandar/Pekan/Mukim

Jenis Hakmilik

No. Lot	:
Petak Aksesori	:
Unit Syer bagi Petak	:
Syarat Nyata	:
Sekatan Kepentingan	:
No. Pelan	:
No. Buku Daftar Strata	:

Jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagikan atas tanah

Petak dan petak aksesori yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod kepunyaan di dalam ini, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain. Mana-mana urusan terhadap hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan dan syarat sebagaimana dalam hakmilik tanah.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan mengikut kadar unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, yang berhubungan dengan jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagikan atas tanah itu.

Bertarikh pada..... hari bulan .....20.....

Hakmilik :.....  
 Tarikh :.....  
 No. Versi :.....  
 Muka surat :.....

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN  
 REKOD PEMILIK MEMORIAL,  
 PENGENDORSAN DAN CATATAN LAIN

Hakmilik  
 Tarikh No.  
 Versi Muka  
 surat

Potong mana-mana yang tidak berkenaan

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4A

[Seksyen 16]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA

URUS NIAGA YANG DILARANG

NO. HAKMILIK	BLOK SEMENTARA
--------------	----------------

Pajakan selama ..... , berakhir pada

Negeri

Daerah

\*Bandar/Pekan/Mukim

Jenis Hakmilik

No. Lot

Petak Aksesori

Unit Syer bagi Petak

Syarat Nyata

Sekatan Kepentingan

No. Pel an

No. Buku Daftar Strata

Jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecahbahagikan atas tanah

Blok sementara yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang ada masa itu dinamakan di dalam rekod kepunyaan di dalam ini, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain yang dinyatakan di bawah ini.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan mengikut kadar unit syer sementara bagi blok sementara ini sebagaimana yang dinyatakan, yang berhubungan dengan jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecahbahagikan atas tanah itu.

Urus niaga berkenaan dengan hakmilik strata sementara ini atau mana-mana syer atau kepentingan di dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada ..... hari bulan ..... 20 .....

Hakmilik  
Tarikh No.  
Versi Muka  
surat

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN  
REKOD PEMILIK MEMORIAL,  
PENGENDORSAN DAN CAT AT AN LAIN

*Pendaftar*

Hakmilik :.....  
Tarikh :.....  
No. Versi :.....  
Muka surat :.....

\*Potong mana-mana yang tidak berkenan'; **dan**

**(e) dengan menggantikan Borang 5 dengan Borang yang berikut:**

"AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 5

[Seksyen 20]

PERMOHONAN UNTUK PENGELUARAN HAKMILIK STRATA YANG  
BERASINGAN BAGI BANGUNAN SUDAH SIAP BERKENAAN  
DENGAN HAKMILIK STRATA SEMENTARA

Kepada Pentadbir Tanah,  
Daerah .....  
Saya, ..... beralamat .....  
pemilik hakmilik strata sementara..... di atas tanah yang  
dijadualkan di bawah ini, dengan ini memohon untuk mendapatkan hakmilik  
strata keluaran yang berasingan bagi ..... petak dalam

bangunan yang telah siap itudan ..... petak aksesori jika terpakai seperti yang telah dinyatakan dalam jadual yang ditunjukkan, mengikut sempadan, yang berkaitan dengan setiap tingkat, ditunjukkan di dalam ..... pelan tingkat yang disertakan.

2. Sebagaimana yang dikehendaki seksyen 20 Akta Hakmilik Strata 1985, sekarang saya kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyakRM .....
- (b) suatu perakuan daripada arkitek atau Jurutera Profesional bahawa blok sementara sudah disiapkan mengikut pelan bangunan yang diluluskan dan mana-mana pindaan yang diluluskan selepasnya;
- (c) suatu salinan pelan bangunan yang diluluskan dan mana-mana pindaan yang diluluskan selepasnya;
- (d) suatu salinan perakuan siap dan pematuhan;
- (e) perakuan daripada juruukur sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 20(2)(ca) dan (cb) Akta Hakmilik Strata 1985;
- (f) permit/permit-permit di bawah seksyen 75A Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang dikehendaki oleh perenggan 20(2)(ca) Akta Hakmilik Strata 1985;
- (g) .....tingkat \*pelan/pelan bangunan yang sudah disiapkan yang disahkan oleh juruukur, bersama-sama dengan dua salinan tambahan;
- (h) suatu pernyataan yang menunjukkan unit syer petak yang baru; dan
- (i) pengeluaran dokumen hakmilik sementara strata.

Bertarikh pada .....hari bulan..... 20.....

*Tandatangan Pemilik*

JADUAL

Daerah.....  
 \*Bandar/Pekan/Mukim..... Lot No.....  
 Perihal dan No. Hakmilik .....

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian.  
Pengeluaran dokumen hakmilik sementara disertakan.

*Pentadbir Tanah:* .....

B Kepada Pengarah Ukur.  
Permohonan diluluskan.

*Pengarah Tanah dan Galian:*

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan".

**Pindaan Jadual Kedua****49.** Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan 7 —

- (i) dalam subsubperenggan (5)(a), dengan memotong perkataan ", jika ada"; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (5) subperenggan yang berikut:

"(5A) Majlis hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari dari had mesyuarat agung tahunan diadakan, menyampaikan salinan minit mesyuarat kepada semua pemilik atau mempamerkan minit mesyuarat itu pada papan notis perbadanan.";

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan 13(2) subperenggan yang berikut:

"(2A) Seseorang proksi tidak berhak mengundi kecuali dalam pengundian bertulis.";

(c) dalam perenggan 15 —

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan "yang diuntukkan kepada petak atau blok sementara" perkataan "dan tiada pemilik berhak mengundi dan dipilih untuk memegang jawatan dalam mesyuarat agung melainkan jika semua caruman kepada kumpulan wang pengurusan perbadanan berkenaan dengan petaknya atau blok sementara telah dibayar dengan sewajarnya"; dan
- (ii) dengan memotong proviso; dan

(d) dengan menggantikan perkataan "Pengarah" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pesuruhjaya".

**Pindaan Jadual Ketiga**

**50.** Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda dalam subsubperenggan 2(l)(c), dengan memasukkan selepas perkataan "membaiki dan menyenggara petaknya" perkataan ", termasuk pintu dan jendela".

## **Jadual baru Kelima**

**51.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Keempat Jadual yang berikut:

"JADUAL KELIMA

[Seksyen 4A]

### **Tafsiran**

1. Bagi maksud Jadual ini —

"dokumen hakmilik cetakan komputer" ertinya suatu dokumen hakmilik yang disediakan dengan menggunakan suatu komputer;

"dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer" ertinya suatu dokumen hakmilik daftaran yang disediakan dengan menggunakan suatu komputer;

"dokumen hakmilik yang sedia ada" ertinya suatu dokumen hakmilik daftaran yang didaftarkan sebelum permulaan kuat kuasa Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer dan termasuklah suatu dokumen keluaran hakmilik berkenaan dengannya, jika ada;

"dokumen penentusahan" ertinya suatu cetakan komputer, seperti dalam Borang A yang menunjukkan sebahagian kandungan yang terdahulu dan kandungan terkini suatu dokumen hakmilik selepas keputusan diputuskan oleh Pendaftar atas apa-apa perkara yang diserahkan untuk dimasukkan ke dalam dokumen hakmilik cetakan komputer;

"kemasukan" atau "masuk" berhubung dengan mana-mana dokumen hakmilik, termasuklah mana-mana pengendorsan, memorial, nota, pembetulan, pembatalan atau pemotongan atau apa-apa kemasukan lain ke dalamnya dengan menggunakan komputer;

"komputer" ertinya apa-apa alat untuk menyimpan atau memproses maklumat dan termasuklah *input* dan *output* yang perlu dan pangkalan data sesuatu komputer;

"perkara" ertinya apa-apa surat cara yang dikemukakan untuk pendaftaran atau apa-apa perintah, pemberitahuan, permohonan atau dokumen lain yang dikemukakan untuk kemasukan dalam daftar;

"Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer" ertinya tatacara bagi pendaftaran hakmilik strata, dokumen yang dikehendaki untuk disediakan dan apa-apa kemasukan dalam mana-mana dokumen hakmilik strata melalui penggunaan komputer. Sistem ini termasuklah kedua-dua tatacara manual dan berkomputer.

**Cara membuat kemasukan dalam dokumen hakmilik di bawah Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer**

2. Bagi maksud Akta ini, setiap kali suatu kemasukan dikehendaki dibuat atas dokumen hakmilik cetakan komputer oleh Pendaftar, ia hendaklah dianggap sebagai suatu keperluan bahawa—

- (a) Pendaftar membuat pemasukan itu dengan menggunakan komputer; dan
- (b) Pendaftar menyediakan suatu dokumen hakmilik komputer yang baru dan membatalkan dan memusnahkan versi terdahulu dokumen hakmilik cetakan komputer.

**Borang dokumen bagi hakmilik Pejabat Pendaftaran atau hakmilik Pejabat Tanah**

3. Bagi maksud Akta ini, bila mana sesuatu kemasukan dikehendaki dibuat dalam dokumen hakmilik cetakan komputer oleh Pendaftar, hendaklah dianggap sebagai suatu kehendak bahawa—

- (a) dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer hendaklah dalam Borang 4(K) berkenaan dengan suatu petak atau dalam Borang 4A(K) berkenaan dengan blok sementara; dan
- (b) dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer hendaklah dalam borang yang sama seperti Borang 4(K) atau Borang 4A(K), mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Pelan untuk hakmilik strata dikeluarkan secara berasingan**

4. (1) Pelan petak atau blok sementara hendaklah dikeluarkan kepada pemilik dalam Borang S(K).

(2) Pendaftar hendaklah menyimpan dalam Pejabat Pendaftaran Tanah suatu salinan pelan strata yang diperakui yang berkenaan dengannya sebagaimana yang diluluskan oleh Pengarah Ukur di bawah perenggan 13(1)(c). Salinan pelan strata yang diperakui itu hendaklah disahkan dengan sempurna di bawah tandatangan dan meterai Pengarah Ukur.

**Penukaran kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer**

5. (1) Apabila mula berkuat kuasa Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer di Pejabat Pendaftaran Tanah, Pendaftar hendaklah menukarkan dokumen hakmilik daftaran sedia ada kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer dan hendaklah menandatangani dan memeterai penukaran itu.

(2) Suatu dokumen hakmilik daftaran sedia ada hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer disediakan dan ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar.

(3) Selepas penukaran dokumen hakmilik daftar yang sedia ada, dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada berkenaan dengannya hendaklah terus berkuat kuasa dan sah bagi semua maksud Akta ini sehingga dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer yang relevan disediakan dan dikeluarkan kepada pemilik.

(4) Mana-mana pemilik berdaftar yang hakmilik stratanya terletak di bawah bidang kuasa Pejabat Pendaftaran Tanah yang Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer dilaksanakan boleh pada bila-bila masa memohon untuk penukaran sesuatu dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada kepada suatu dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer dengan menyimpan dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada di Pejabat Pendaftaran Tanah tersebut.

(5) Pendaftar boleh atas kemahuannya sendiri menukar mana-mana dokumen keluaran hakmilik yang sedia ada tanpa adanya suatu permohonan yang dibuat di bawah subperenggan (4).

(6) Berkenaan dengan dokumen hakmilik sedia ada yang disediakan di bawah Akta ini, dokumen hakmilik cetakan komputer itu hendaklah disediakan dalam Borang 2(K), 4(K) atau 4A(K), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Berkenaan dengan dokumen hakmilik sedia ada yang disediakan di bawah undang-undang terdahulu, dokumen hakmilik cetakan komputer hendaklah mengandungi hakmilik yang sama dengan pelan strata yang diperakui.

(8) Apabila penukaran suatu dokumen hakmilik yang sedia ada di bawah subperenggan terdahulu, Pendaftar hendaklah—

- (a) membuat satu salinan pelan daripada dokumen hakmilik daftar sedia ada untuk dilampirkan sebagai Borang S(K), dan hendaklah disahkan dengan sempurnanya ditandatangani dan dimeterainya;
- (b) mengendors secara bersilang di atas permukaan dokumen hakmilik daftaran yang sedia ada untuk menunjukkan bahawa hakmilik berkenaan telah ditukarkan kepada dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer; dan dengan membuat endorsan sedemikian, dokumen hakmilik daftaran yang sedia ada hendaklah disifatkan telah dibatalkan;
- (c) memanggil pemilik berdaftar untuk mengambil dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer dengan syarat bahawa jika penukaran dilaksanakan oleh Pendaftar dan kemahuannya sendiri di bawah subperenggan (5), dia tidaklah perlu untuk menghantar kepada pemilik berdaftar dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer melainkan jika dokumen keluaran hakmilik sedia ada dikemukakan kepadanya; dan

- (d) membatalkan dan memusnahkan dokumen hakmilik yang sedia ada apabila diserahkan kepadanya.

#### **Cara menyediakan dokumen hakmilik**

6. Tiap-tiap dokumen hakmilik disediakan selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer hendaklah, di bawah Sistem Pendaftaran Hakmilik Strata Berkomputer, disediakan dengan menggunakan komputer.

#### **Pemilikan suatu salinan hakmilik strata**

7. Jika dokumen hakmilik disediakan selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada pemilik berdaftar dokumen keluaran hakmilik cetakan komputer.

#### **Kemuktamadan tiap-tiap folio dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer**

8. Bagi maksud seksyen 15 hingga 19 Akta ini, setiap folio dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer adalah keterangan muktamad tentang butir-butir yang direkodkan di dalamnya.

#### **Dokumen hakmilik cetakan komputer hendaklah disimpan secara bercerai**

9. Bagi maksud seksyen 15 hingga 19 Akta ini, tiap-tiap dokumen hakmilik cetakan komputer yang didaftarkan di bawah Akta ini, sama ada selepas pendaftaran hakmilik strata atau penggantian suatu dokumen hakmilik daftaran cetakan komputer, hendaklah disimpan secara helai bercerai.

#### **Rekod Perserahan**

10. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu rekod, dipanggil "Rekod Perserahan", dengan atau melalui penggunaan komputer, yang di dalamnya akan dimasukkan suatu perihal ringkas mengenai tiap-tiap perkara yang diserahkan untuk pendaftaran atau kemasukan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Rekod Perserahan hendaklah mengandungi—

- (a) nombor perserahan yang diberi oleh komputer berkenaan setiap perkara yang diserahkan;
- (b) tarikh dan masa perserahan;
- (c) suatu perihal perkara;

- (d) dalam hal urusan niaga, nama orang yang menyerahkan perkara itu;
- (e) perihal hakmilik petak yang terlibat oleh perserahan itu; dan
- (f) suatu nota sama ada perkara itu telah didaftarkan, diendorskan atau dimasukkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ditolak atau ditarik balik.

**Penentuan dokumen yang perlu ditentukan**

11. (1) Selepas Pendaftar telah menetapkan bahawa suatu surat cara itu adalah layak untuk pendaftaran mengikut peruntukan-peruntukan Bahagian III Akta ini atau bahawa perkara lain hendaklah dimasukkan dalam dokumen hakmilik, dia hendaklah menentukan kandungan dokumen yang ditentukan dan jika dia mendapati bahawa dokumen yang ditentukan itu adalah teratur, dia hendaklah mengesahkan dokumen itu di bawah tandatangan dan meterainya.

(2) Selepas Pendaftar mendaftarkan mana-mana surat cara urusan niaga atau memasukkan apa-apa perkara lain ke dalam dokumen hakmilik daftar cetakan komputer, dia hendaklah menyebabkan dokumen penentuan itu difailkan,

**Cara mendaftarkan surat cara**

12. Bagi maksud seksyen 15 Akta ini, memorial mengikut terma yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b) itu hendaklah dimasukkan ke dalam komputer berkenaan dengan dokumen hakmilik daftar yang kepada petak atau blok sementara itu berkaitan.

**Dokumen hakmilik cetakan komputer yang baru**

13. Apabila membuat memorial sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 12 jika memorial itu berhubung dengan suatu urusan niaga atau apabila ditetapkan bahawa mana-mana perkara lain yang perlu dimasukkan ke dalam mana-mana dokumen hakmilik, Pendaftar hendaklah menyebabkan dokumen hakmilik daftar cetakan komputer yang baru dan, jika bersesuaian, dokumen hakmilik keluaran cetakan komputer yang baru, disediakan.

**Kemuktamad pendaftaran**

14. Tiap-tiap dokumen hakmilik daftar yang disediakan menurut perenggan 13 dan disahkan di bawah tandatangan dan meterai Pendaftar hendaklah menjadi keterangan muktamad berkenaan pendaftaran yang dokumen itu dirujuk dan masa dan tarikh dokumen memberi kesan.

*Rang Undang-Undang*

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG A

[Perenggan 1 Jadual Kelima]

## DOKUMEN PENENTUSAHAN

Ditentukan oleh	Pendaftar
(nama Kerani)	(nama Pendaftar)
Tandatangan	Tandatangan

1. No .Versi: .....
2. Jenis perkara : .....
3. No. Perserahan: ..... Tarikh: ..... Masa:
4. Peny ampai: .....
5. No. Hakmilik Yang Terjejas : .....
- (a) Kandungan Terdahulu: .....
- (i) \*Hakmilik: .....
- (ii) \*\*Serahan yang Terjejas: .....
- (iii) \*\*\*Lain-lain: .....
6. Tindakan Diambil: .....
7. Kandungan Baru: .....

\*Negeri/Daerah/Mukim/Pekan/No. Hakmilik/No. Lot/ No. PT

(Masukkan sebagaimana berkenaan)

\* \*Nama/No. Perserahan/Volume/Folio/Tarikh/Masa  
(Masukkan sebagaimana berkenaan)No. Versi Pengenalan -Jenis perkara- No. Perserahan  
(Masukkan sebagaimana berkenaan)

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 2(K)

[Subperenggan 5(6) Jadual Kelima]

INDEKS DAFTAR STRATA

Negeri :  
 Daerah :  
 \*Bandar/Pekan/Mukim :  
 Jenis Hakmilik :  
 No. Hakmilik :  
 No. Lot :  
 Luas :  
 No. Rujukan Fail :  
 Nama Perbadanan Pengurusan :  
 Alamat Perbadanan Pengurusan :  
 Alamat bagi Penyampaian Dokumen :  
 No. Buku Pendaftaran Strata :

RINGKASAN KANDUNGAN

Bangunan/Blok Sementara/ Petak Tanah	Maksud	No. Petak	Unit Syer/Unit Syer Sementara
Bangunan/Bangunan- Bangunan M1 .....			
	M2 .....		
Blok/Blok-Blok Sementara P1 .....			
	P2 .....		
Petak Tanah			
Jumlah Syer Unit/Syer Unit Sem			

Jumlah keseluruhan folio dalam pelan strata yang diperakui

Hakmilik : .....  
 Tarikh : .....  
 No. Versi : .....  
 Muka surat : .....

*Rang Undang-Undang INDEKS*

SECARA TERPERINCI

No. Muka Surat bagi Hakmilik Petak/Blok Sementara/ Petak Tanah	Bangunan/ Blok Sementara	Senarai tingkat-tingkat dalam setiap bangunan	Senarai petak dalam setiap bangunan/ luas tanah setiap petak	Unit-unit syer bagi setiap petak/blok sementara/ petak tanah	Lain-lain
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
	Bangunan/ Bangunan- Bangunan: [Gunakan MI, M2, dsb., untuk menandakan bangunan-bangunan yang siap] MI M2 dsb., dsb. Blok/Blok- Blok Sementara: [Gunakan PI, P2, dsb., untuk menandakan blok-blok sementara] PI P2 Petak Tanah [Gunakan LI, L2, dsb., untuk menandakan petak tanah] LI L2	Tingkat No. ... (Pelan Folio No.....) Tingkat No. ... (Pelan Folio No.....) -	Petak ..... Petak ..... Petak ..... Jumlah..... Petak ..... Petak ..... Petak ..... dsb. Petak ..... Petak ..... Petak ..... - -	Total .....	

Hakmilik :  
Tarikh : No.  
Versi :  
Muka surat:

SENARAI PETAK AKSESORI

Petak Aksesori	Lokasi Petak Aksesori	Petak yang Petak Aksesori itu Bersangkutan

Hakmilik : .....  
Tarikh : .....  
No. Versi : .....  
Muka surat: .....

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4(K)

[Subperenggan 3(a) dan (b) dan 5 (6) Jadual Kelima]

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK

Cukai tanah:

Pajakan selama ....., berakhir pada.....

Negeri :

Daerah :

\*Bandar/Pekan/Mukim :

Jenis Hakmilik :

No. Lot :

Petak Aksesori :

Unit Syer bagi petak :

Syarat Nyata :

Sekatan Kepentingan :

No. Pelan :

No. Buku Daftar Strata :

Jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagi atas tanah

Petak dan petak aksesori yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod kepunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain. Mana-mana urusan terhadap hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat sebagaimana dalam hakmilik tanah.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan mengikut kadar unit-unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, yang berhubungan dengan jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagi atas tanah itu.

Bertarikh pada .....hari bulan .....20.....

Hakmilik : .....

Tarikh : .....

No. Versi : .....

Muka surat: .....

#### REKOD PERBADANAN PENGURUSAN

#### REKOD PEMILIK MEMORIAL, ENDORSAN DAN CATATAN LAIN

Hakmilik  
Tarikh No.  
Versi Muka  
surat

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

BORANG 4A(K)

[Subperenggan 3(a) dan (b) dan 5(6) Jadual Kelima]

HAKMILIK STRATA SEMENTARA

URUS NIAGA YANG DILARANG

NO. HAKMILIK

BLOK SEMENTARA

Cukai tanah:

Pajakan selama ..... berakhir pada .....

Negeri :

Daerah :

\*Bandar/Pekan/Mukim :

Jenis Hakmilik :

No. Lot :

Petak Aksesori :

Unit Syer bagi Petak :

Syarat Nyata :

Sekatan Kepentingan :

No. Pelan :

No. Buku Daftar Strata :

Jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagi atas tanah .....

Blok sementara yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang ada masa itu dinamakan di dalam rekod kepunyaan di dalamnya, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan-peruntukan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan lain yang dinyatakan di bawah ini.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan mengikut kadar unit-unit syer sementara bagi blok sementara ini sebagaimana yang dinyatakan, yang berhubungan dengan jumlah unit syer bagi semua bangunan yang dipecah bahagi atas tanah itu.

Urusniaga berkenaan dengan hakmilik strata sementara ini atau mana-mana syer atau kepentingan dalamnya adalah dilarang.

Bertarikh pada .....had bulan .....20 .....

*Rang Undang-Undang*

Hakmilik : .....  
Tarikh : .....  
No. Versi : .....  
Muka surat : .....

REKOD PERBADANAN PENGURUSAN  
REKOD PEMILIK MEMORIAL,  
PENGENDORSAN DAN CATATAN LAIN

*Pendaftar*

Hakmilik  
Tarikh No.  
Versi Muka  
surat

*AKTA HAKMILIK STRATA 1985*

BORANG S(K)

[Subperenggan 4(1) Jadual Kelima]

PELAN HAKMILIK STRATA

Saya mengesahkan bahawa pelan yang disertakan di bawah ini adalah salinan yang diperakui sah daripada pelan strata petak/blok sementara berkenaan. Butir-butir petak/blok sementara adalah seperti berikut:

\* Petak/Petak Aksesori/Blok Sementara No.....  
Negeri: .....  
Daerah: .....  
\*Bandar/Pekan/Mukim:.....  
Jenis Hakmilik Tanah: .....  
No. Hakmilik Tanah: .....  
No. Lot: .....  
No. Helaian: .....  
No. Pelan Strata yang Diperakui: .....  
No. Skim: .....

Pelan yang disertakan

Bertarikh pada hari bulan .....20

T.M.

*Pendaftar/Pentadbir Tanah*".

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985 ("Akta 318").

1. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas. Ia juga bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta dan untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta 318.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda tajuk panjang bagi membenarkan tanah yang dipecahbagikan kepada petak tanah. Sebelum pindaan yang dicadangkan ini, hanya bangunan yang boleh dipecahbagikan kepada petak bagi pengeluaran hakmilik strata tetapi dengan cadangan pindaan itu, tanah bersama dengan bangunan yang tidak melebihi empat tingkat juga boleh dipecahbagikan kepada petak tanah bagi pengeluaran hakmilik strata.
3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda mukadimah bagi meluaskan pemakaian Akta 318 ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.
4. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 318 untuk menggantikan takrif tertentu dan memasukkan takrif baru.
5. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4A ke dalam Akta 318. Seksyen baru 4A memperuntukkan mengenai permulaan kuat kuasa Sistem Pengkomputeran Hakmilik Strata di Pejabat Pendaftaran Tanah. Tarikh itu ditetapkan oleh Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara.
6. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian II Akta 318 untuk memasukkan perkataan "tanah". Pindaan ini untuk membolehkan tanah bersama dengan bangunan dipecahbagikan kepada petak tanah.

7. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 318 untuk membolehkan bangunan berbilang tingkat atau dua atau lebih bangunan yang mempunyai tidak lebih daripada empat tingkat di atas lot yang sama untuk dipecahbagikan kepada petak tanah bagi pengeluaran hakmilik strata. Sebelum pindaan yang cadangkan ini, hakmilik strata hanya boleh dikeluarkan kepada bangunan berbilang tingkat dan bangunan satu tingkat sahaja di atas lot yang sama. Pindaan ini akan dapat memenuhi keperluan konsep pembangunan perumahan baru yang disebut sebagai Skim Komuniti Berpagar.

8. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 318 untuk membenarkan pemilik asal mana-mana tanah yang diberi hakmilik yang di atasnya terdapat apa-apa bangunan atau tanah yang boleh dipecahbagikan kepada petak untuk memohon pecah bahagian.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 8 Akta 318 untuk menyatakan hal keadaan yang mewajibkan seseorang pemilik asal memohon untuk memecah bahagi bangunan atau tanah dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) dan (4).

10. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 9(1) Akta 318 untuk membenarkan suatu permohonan dibuat untuk mendapatkan hakmilik strata bagi bangunan yang telah diklasifikasikan di bawah Akta itu sebagai bangunan khas. Bangunan ini telahpun diduduki sebelum Jun 1996 tetapi permohonan hakmilik strata tidak dapat dibuat kerana sama ada bangunan itu belum dikeluarkan Sijil Layak Menduduki atau pelan bangunan telah hilang atau musnah.

11. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 318 berhubung dengan pecah bahagian bangunan atau tanah berbangkit daripada pindaan seksyen 6 Akta 318.

12. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 10A Akta 318 untuk menghalang tanah dimasukkan dalam permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata sementara.

13. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10B ke dalam Akta 318 untuk mengadakan peruntukan bagi pengklasifikasian bangunan kos rendah dan permohonan memecah bahagi bangunan kos rendah. Kemasukan seksyen baru itu juga berkaitan dengan pemotongan seksyen 58 hingga seksyen 67 di bawah Bahagian IX yang memperkatakan bangunan kos rendah.

14. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 318 yang antara lainnya memperuntukkan mengenai penandaan sempadan bagi petak tanah.

15. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 14A(1) Akta 318 untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan ke atas seseorang pemilik asal yang gagal membayar fi yang dituntut menurut subseksyen 12(2) Akta 318. Kenaikan yang dicadangkan ialah daripada satu ribu ringgit kepada lima ribu ringgit manakala bagi kesalahan yang berterusan, denda dinaikkan daripada lima puluh ringgit kepada lima ratus ringgit bagi setiap hari.

16. *Fasal 17* bertujuan untuk meminda subperenggan 15(2)(b)(i) Akta 318 untuk memasukkan dalam penyata dalam Borang 3 semua syarat nyata dan sekatan kepentingan yang terdapat dalam dokumen hakmilik daftar lot pada masa pernyataan itu disahkan oleh Pendaftar. Pindaan baru yang dicadangkan kepada subseksyen (4) adalah untuk menyatakan dengan jelas bahawa tidaklah boleh diambil kira apa-apa kaveat bagi maksud penyata dalam Borang 3.

17. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 318 untuk mewajibkan pemilik hakmilik strata sementara memohon untuk mendapatkan pengeluaran hakmilik strata yang berasingan bagi petak-petak dalam bangunan yang sudah siap dalam masa enam bulan selepas perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan.

18. *Fasal 20* bertujuan untuk meminda seksyen 22B Akta 318 untuk menaikkan denda kerana kegagalan pemilik membayar apa-apa amaun yang dituntut menurut seksyen 21(2) Akta itu. Kenaikan yang dicadangkan ialah daripada satu ribu ringgit kepada lima ribu ringgit manakala bagi kesalahan yang berterusan, denda dinaikkan daripada lima puluh ringgit kepada lima ratus ringgit bagi setiap hari.

19. *Fasal 21* bertujuan untuk memotong subseksyen 37(2) Akta 318 untuk membolehkan pemilik petak yang merupakan pemberi gadaian untuk mengundi dalam mesyuarat agung perbadanan pengurusan tanpa perlu mendapatkan persetujuan daripada pemegang gadaian.

20. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 39 Akta 318 untuk mengadakan peruntukan mengenai pecah bahagian tanah kepada petak tanah.

21. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta 318 untuk menghendaki pemilik asal mengemukakan akaun untuk diaudit oleh juruaudit berdaftar yang dilantik oleh pemilik asal semasa tempoh permulaan.

22. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 40A bagi memastikan pemilik asal dan pembeli tidak melewatkan penyempurnaan pemindahan hakmilik hakmilik strata. Ketidakpatuhan seksyen ini merupakan suatu kesalahan.

23. *Fasal 25* bertujuan untuk meminda subseksyen 41(2) Akta 318 untuk meningkatkan penalti yang boleh dikenakan ke atas pemilik asal yang gagal untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan yang pertama bagi perbadanan pengurusan dalam masa satu bulan selepas habis tempoh permulaan.

*Fasal* ini juga memasukkan perenggan baru (e) dalam subseksyen (5) untuk mengadakan peruntukan mengenai pengemukaan akaun yang telah diaudit semasa mesyuarat agung tahunan perbadanan pengurusan.

24. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 41A Akta 318 untuk memberi Pesuruhjaya kuasa untuk menentukan amaun caruman yang kena dibayar oleh pemilik petak kepada perbadanan pengurusan jika pemilik petak yang tidak berpuas hati dengan amaun yang ditentukan sebagai kena dibayar sebagai caruman kepada kumpulan wang perbadanan pengurusan memohon kepadanya untuk mengkaji semula amaun tersebut. Apa-apa amaun yang ditentukan oleh Pesuruhjaya hendaklah disifatkan amaun yang ditentukan oleh perbadanan pengurusan.

25. Fasal 27 bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) Akta 318 dengan memotong perenggan (j) untuk membenarkan pembayaran cukai tanah tahunan ke atas petak dan bukannya ke atas lot itu.
26. Fasal 28 bertujuan untuk meminda subseksyen 44(1), (2) dan (3) Akta 318 untuk mengadakan peruntukan bagi pecah bahagian tanah kepada petak tanah. Cadangan pindaan kepada subseksyen (6) bertujuan untuk menghendaki suatu salinan undang-undang kecil yang dibuat oleh perbadanan pengurusan yang diserahkan kepada Pesuruhjaya Bangunan yang dilantik menurut Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006.
27. Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 45 Akta 318 untuk membolehkan caruman bagi kumpulan wang pengurusan dilevi ke atas pembeli yang belum lagi didaftarkan sebagai pemilik petak.
28. Fasal 30 dan 31 bertujuan untuk meminda perenggan 47(l)(a), 49(l)(a) dan subseksyen 49(3) Akta 318 berhubung dengan pemakaian peruntukan itu bagi petak tanah.
29. Fasal 32 dan 33 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 50 dan 53A Akta 318 untuk memindahkan kuasa Pengarah kepada Pesuruhjaya Bangunan.
30. Fasal 34 bertujuan untuk meminda subseksyen 55(1) Akta 318 untuk menaikkan denda yang dikenakan kerana pelanggaran di bawah Bahagian VII daripada dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
31. Fasal 35 bertujuan untuk memotong Bahagian IX Akta 318. Bahagian ini yang mengandungi peruntukan mengenai bangunan kos rendah tidak lagi menjadi berkaitan oleh sebab kemasukan seksyen baruOB.
32. Fasal 36 bertujuan untuk meminda seksyen 67A Akta 318 untuk memberi Lembaga Hakmilik Strata kuasa untuk mendengar dan memutuskan pertikaian. Di bawah pindaan yang dicadangkan, Lembaga boleh membuat suatu perintah yang tidak termasuk di bawah Bahagian IXA Akta itu. Pada masa ini, peruntukan yang sedia ada yang memberikan kuasa kepada Lembaga untuk mendengar dan memutuskan pertikaian adalah terhad. Dicapangkan juga supaya anggota Lembaga dilantik oleh Menteri dan bukannya Pihak Berkuasa Negeri.
33. Fasal 37 bertujuan untuk meminda subseksyen 67B Akta 318 berbangkit daripada perubahan pihak yang melantik anggota-anggota Lembaga Hakmilik Strata.
34. Fasal 38 bertujuan untuk meminda seksyen 67K Akta 318 untuk membolehkan mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas sesuatu petak, selain pemilik petak, untuk memohon suatu perintah daripada Lembaga untuk mengubah kadar faedah yang dikenakan oleh perbadanan pengurusan bagi bayaran caruman yang lewat.
35. Fasal 39 bertujuan untuk meminda seksyen 67L(3) Akta 318 untuk memanjangkan tempoh sesuatu permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah subseksyen (1) boleh dibuat, iaitu daripada dua puluh satu kepada dua puluh lapan hari.

36. *Fasal 40, 41, 42, 43, 44, 45 dan 46* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 67M hingga 67w Akta 318 untuk menyatakan bahawa peruntukan itu sama terpakai bagi petak tanah.
37. *Fasal 47* mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan.
38. *Fasal 48, 49 dan 50* masing-masing bertujuan untuk meminda Jadual Pertama, Jadual Kedua dan Jadual Ketiga.
39. *Fasal 51* bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Kelima ke dalam Akta 318 yang memperkatakan perkara yang berhubungan dengan Sistem Perkomputeran Hakmilik Strata.
40. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau bebangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2539]